



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	5/7/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG			

Jabatan Perhutanan musnah kebun haram musang king

RAUB – Jabatan Perhutanan Negeri terus bertindak tegas terhadap aktiviti pencerobohan hutan apabila memulakan operasi memusnahkan kebun haram durian musang king di dalam Hutan Simpan Batu Talam dekat sini.

Difahamkan kawasan seluas kira-kira 101 hektar yang ditanam pokok durian musang king telah mula luruh dan mengeluarkan hasil.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri, Datuk Mohd. Hizamri Mohd. Yasin berkata, operasi yang melibatkan pelbagai agensi berkaitan itu bermula semalam sehingga 2 Ogos depan di kawasan hutan simpan berkenaan.

"Tumpuan kami adalah kepada rondaan dan tangkapan mana-mana individu yang memasuki hutan simpan tanpa kebenaran.

"Anggota penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang melaksanakan tugas rondaan dan tangkapan, manakala anggota selebihnya menjalankan kerja penandaan zon kawasan tebingan bermula hari ini," katanya di sini semalam.

Menurut Mohd. Hizamri sehingga semalam seramai empat individu ditahan kerana menceroboh hutan simpan di bawah Akta Perhutanan 1984



POLIS dan penguat kuasa melakukan sekatan di jalan masuk ke kebun durian di Hutan Simpan Batu Talam di Raub semalam.

dan dibawa ke Ibu Pejabat polis Daerah (IPD) Raub untuk tindakan lanjut.

Jelas beliau, tangkapan itu melibatkan dua pekerja warga asing dan dua pekerja warga tempatan selain sitaan sebuah motosikal, sebuah pacuan empat roda jenis Toyota Hilux dan sebuah Land Rover.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tras, Chow Yu Hui yang hadir bersama beberapa pekebun ke kawasan sekatan semalam mendakwa pekebun telah men-

dapat kebenaran mahkamah sebelum ini untuk masuk ke kebun berkenaan.

Katanya, kira-kira 20 pekebun yang mengusahakan kawasan berkenaan sejak kira-kira 10 tahun lalu mengalami kerugian apabila buah durian musang king yang baru luruh tidak dapat dikutip.

Tambah beliau, pihak pekebun telah membuat laporan polis terhadap larangan kepada mereka memasuki kawasan kebun durian bagi mengutip hasil.

